

## PEJABAT BENDAHARI

Tel : +606 331 6096/6102 | Faks : +606 331 6101  
pejabatbendahari@utem.edu.my

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.4 ( 3 )

Rujukan Tuan (Your Ref.) :

6 Januari 2014

### SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 3/2014

Semua

Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Durian Tunggal, Melaka

*Assalamualaikum wrt. wbt.,*

Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan,

#### PENGGUNAAN AKTA KWSP MENGENAI CARUMAN

Dengan hormatnya saya merujuk perhatian Y.Bhg.Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan kepada perkara di atas.

#### 1.0 TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengenai penggunaan Akta KWSP bagi kadar caruman pekerja dan caruman majikan.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pejabat Bendahari menguruskan caruman KWSP bagi staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka setiap bulan dengan berpandukan Akta KWSP.

2.2 Pihak KWSP telah mengeluarkan “**Notis Kadar Caruman Dua Peringkat Selaras Dengan Umur Persaraan Minima 60 Tahun**” dan ia berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013.

### **3.0 PENGGUNAAN AKTA KWSP MENGENAI CARUMAN**

3.1 Tanggungjawab sebagai majikan ialah mematuhi sebarang peraturan atau notis yang dikeluarkan oleh pihak KWSP dari masa ke semasa.

3.2 Selaras dengan peningkatan umur persaraan minima yang telah ditetapkan oleh Kerajaan daripada umur 55 tahun kepada 60 tahun satu pelarasan berkaitan caruman telah dibuat.

3.3 Sehubungan dengan itu, berikut adalah Akta KWSP mengenai caruman:

a) Caruman penuh sebanyak 24% (13% majikan dan 11% pekerja) yang menerima upah RM5,000.00 dan ke bawah sebulan dan 23% (12% majikan dan 11% pekerja) bagi pekerja yang menerima upah melebihi RM5,000.00 sebulan dilanjutkan daripada umur 55 tahun kepada 60 tahun.

b) Caruman bagi pekerja berumur 60 tahun hingga 75 tahun adalah sebanyak 50% daripada kadar caruman berkanun pekerja yang berumur dibawah 60 tahun.

3.4 Ringkasan caruman KWSP adalah seperti di Lampiran A.

### **4.0 TARIKH KUATKUASA**

4.1 Surat pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013

Sekian, *Wassalam.*

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.4 (3)  
SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 3/2014

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

Saya yang menurut perintah,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

s.k. **Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan**  
Naib Canselor

**Y. Bhg. Prof. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Jailani bin Mohd Nor**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

<b>Kategori</b>	<b>Majikan</b>	<b>Pekerja</b>
Pekerja berumur sehingga 60 dengan gaji bulanan RM5,000 dan ke bawah.	13%	11%
Pekerja berumur sehingga 60 dengan gaji bulanan melebihi RM5,000	12%	11%
Pekerja berumur 60 sehingga 75 dengan gaji bulanan RM5,000 dan ke bawah	6.5%	5.5%
Pekerja berumur 60 sehingga 75 dengan gaji bulanan melebihi RM5,000	6%	5.5%